


...VIOUS SUCCESS —  
...Y PERFORMANCE PACKED OUR YESTERDAY  
...LBOU...N THEATR... TO-NIGHT  
...6 and 9.15  
...TRACTION...Y...ER PRODUCTION AN...LO...E...L...  
...ATTRAC...ON...E...A...  
...LEILA MAJNUN



### *TAHUKAH ANDA* .....

Malaysia sebenarnya bermula dengan nama Tanah Melayu yang merujuk kepada wilayah atau kepulauan di rantau ini. Namanya popular di kalangan pedagang-pedagang asing masa dahulu sehinggakan nama Tanah Melayu dikenali dengan pelbagai nama seperti I-Tsing (di kalangan Negara China, India dan Barat), Malaiur (Marco Polo), Malaiyur (inskripsi Tanjore-Sanskrit di India), Ma-Li-Yu-R (Yuan Shih/China), Mailiur (Siam) dan Malayo (Albuquerque/Portugis).

### *TAHUKAH ANDA* .....

Dokumen-dokumen China yang ditulis seawal abad ke-6 menyatakan bahawa nama Kelantan pernah disebut sebagai Ho-Lan-Tan di samping nama-nama lain seperti Tan-tan dan Chich-tu.

### *TAHUKAH ANDA* .....

Wayang pertama yang ditayangkan di Malaysia adalah pada tahun 1933 iaitu filem Laila Majnun berasaskan kepada persembahan Wayang Sanskrit yang diarah B.S. Rajhann dan diterbitkan oleh sebuah syarikat bernama Motilal Chemical

Company yang berpangkalan di Singapura. Filem ini dibintangi oleh M. Suki, Fatimah Jasmin dan Syed Ali Mansoor Al-Attas. Pada tahun 1962, filem bertajuk yang sama telah dibuat semula oleh Cathay Keris Production, Malaya. Ia dibintangi oleh Nordin Ahmad dan Latifah Omar dengan arahan oleh B. N. Rao.

### *TAHUKAH ANDA* .....

Penang Free School merupakan Sekolah Inggeris Tertua di Asia Tenggara. Ia diasaskan oleh Paderi Sparke Hutchings pada tahun 1816.

### *TAHUKAH ANDA* .....

Waktu tempatan di Malaysia telah diubah beberapa kali sepanjang sejarah Malaysia. Pada tahun 1942, semasa pemerintahan Jepun, waktu di Malaya telah dipercepatkan kehadapan sebanyak 2 jam untuk disamakan dengan waktu Jepun. Tahun 1945, ianya telah diundur balik 2 jam seperti tahun 1941 dan pada 1 Januari 1982, waktu di Semenanjung Malaysia telah dipercepatkan 30 minit untuk menyeragamkan waktu di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak menjadikan ia sebagai waktu standard Malaysia.

